

# BAB 2

## BAB DUA

### PENGURUSAN AUDIT SYARIAH

#### 2.1 PENGENALAN

... إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا (١)

An-Nisā' 4: 1

Terjemahan: ...Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu.

Abad ke-20 merupakan zaman kebangkitan sistem ekonomi Islam disebabkan terdapat peningkatan daya usaha untuk mengembalikan keunggulannya sejajar dengan penerimaan masyarakat yang amat memberangsangkan. Senario anjakan ini mungkin disebabkan setelah dihalusi, umum mendapati sistem ekonomi dunia yang dominan iaitu kapitalis telah membawa pelbagai kemusnahan dalam masyarakat. Dalam pada keghairahan umat Islam menonjolkan keistimewaan sistem ekonomi Islam, khususnya dalam bidang kewangan, mereka mungkin tersilap pandang dengan usaha mengintegrasikan atau menyatupadukan sistem kewangan Islam dengan sistem kewangan asing (kapitalis, sosialis dan campuran) yang menatijahkan penilaian masyarakat bahawa ianya adalah sama dengan sistem kewangan asing tersebut. Oleh kerana itu, untuk mengelakkan permasalahan ini, setiap umat Islam amnya dan para sarjana kewangan Islam khususnya mesti memahami kedudukan sistem kewangan Islam dalam ajaran Islam dan konsep ekonomi Islam dengan tepat dan seterusnya mampu

mengamalkannya untuk membentuk teori-teori kewangan Islam yang tersendiri tanpa bergantung kepada pemikiran asing.

Melihat kepada perubahan paradigma dalam pengauditan, juruaudit akan lebih menfokuskan kepada mengesan aktiviti-aktiviti penipuan (*fraud*) dan kesilapan yang berlaku pada penyata kewangan.<sup>1</sup> Pendekatan audit yang digunakan adalah dengan memberikan kepuasan menerusi maklumat yang diperlukan oleh pengguna. Perubahan ini membolehkan juruaudit menumpukan kepada elemen-elemen yang berkaitan kepada usaha audit yang memerlukan tahap jaminan yang tinggi.

Setiap institusi mempunyai visi dan misi untuk menguruskan organisasinya dengan cara yang efisien dan terbaik supaya ianya terus relevan. Sumber yang mencukupi diperlukan dan sumber ini perlu diurus tadbir dengan efektif agar institusi bergerak dengan cemerlang. Adalah dianggarkan tiga perempat dari keseluruhan sumber tenaga berada di dalam institusi yang memberi perkhidmatan atau mereka ini memberi perkhidmatan sokongan. Sehubungan dengan itu, tindak-tanduk manusia serta cara bekerja yang telah diprogramkan dalam institusi memberi kesan kepada daya hidup dan kecemerlangan institusi.

Justeru itu, penyelidikan terhadap aplikasi audit syariah ini perlu dilakukan secara teliti sebelum sebarang pandangan mengenainya boleh diputuskan. Untuk mencapai matlamat ini, bab ini akan terlebih dahulu mengupas secara terperinci tentang definisi, objektif, kepentingan dan piawaian-piawaian audit syariah. Ia merupakan satu sistem yang bersifat *kulliy* yang diambil dari ayat al-Quran dan *al-Hadith* justeru disesuaikan dengan bahagian-bahagian di bawahnya sejajar dengan maksud syarak.

---

<sup>1</sup> Mohd Abdullah Jusoh dan Hazianti Abdul Halim, *Pengauditan* (Kuala Lumpur: CERT Publications, 2006), 5.

## 2.2 METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan, ianya merupakan teras kepada bidang perakaunan. Sesiapa yang mengenali bidang ini tidak boleh menolak daripada bertemu dengan nama Luca Pacioli yang hidup di Venice, Itali pada tahun 1494.<sup>2</sup> Beliau merupakan seorang ahli matematik yang hidup sezaman dengan pelukis terkenal dunia, iaitu Leonardo da Vinci. Buku-buku Pacioli yang terkenal seperti *Suma de Arithmetica, Geometrica, Proportione et Proportionalite* yang menjelaskan bahawa satu sistem yang betul untuk merekodkan maklumat-maklumat dari sesuatu peristiwa ekonomi (urus niaga) direkodkan dengan lengkap dan tepat. Beliau telah memperkenalkan sistem simpan kira catatan beregu. Melalui sistem ini, wujud istilah-istilah *debito* yang bererti kiri dan *credito* yang bererti kanan.<sup>3</sup> Ia bermakna setiap urus niaga yang berlaku direkodkan satu di bahagian debit dan satu lagi di bahagian kredit. Walau bagaimanapun, rekod kewangan sejarah tamadun Mesopotamia mencatatkan bahawa audit berkembang daripada seawal 3500 S.M. lagi.

### 2.2.1 Definisi Audit

Audit berasal daripada perkataan latin iaitu *audire*<sup>4</sup> atau *auditus*<sup>5</sup> yang bermaksud ‘dia dengar’ (*he hears*). “*Hearing of accounts*” adalah cara pengesahan lisan rekod kewangan pada zaman purba di Rom.<sup>6</sup> Perkataan audit berasal melalui cara ini kerana, pada zaman purba, akaun sesuatu harta, *domain* atau *manor* akan memeriksanya yang mana ianya telah disusun dengan memanggil mereka yang mempunyai kuasa.<sup>7</sup>

---

<sup>2</sup> Wan Madznah Wan Ibrahim dan Zaleha Abdul Shukor, *Perakaunan Kewangan* (Selangor: Penerbit Fajar Bakti, 2003), 1.

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> Emile Woolf, *Auditing Today* (London: Prentice Hall Europe, 1997), 1.

<sup>5</sup> Mary Lee et al., *Principles and Contemporary Issues in Internal Auditing* (K. Lumpur: McGraw-Hill, 2009), 6.

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> *Ibid.*

Ianya digunapakai untuk juruaudit yang hanya membuat tafsiran tentang cukai dan perbelanjaan sahaja. Dalam sejarah pengauditan, ia hanya berfungsi sebagai kawalan kepada ketetapan pembayaran cukai oleh pihak pemerintah kepada rakyat.

Dalam erti kata moden, audit adalah satu proses (dilaksanakan oleh juruaudit yang berkeelayakan). Ia melibatkan akaun entiti perniagaan, termasuk syarikat-syarikat yang terhad, badan amal, amanah (*trust*) dan firma profesional, adalah tertakluk kepada penelitian secara terperinci sebagaimana yang akan membolehkan juruaudit untuk membuat sesuatu pendapat kepada kebenaran dan keadilan mereka.<sup>8</sup> Pendapat ini kemudiannya termaktub dalam ‘laporan audit’, ditujukan kepada pihak yang ditugaskan audit, atau kepada siapa juruaudit bertanggungjawab bawah statut.

Alvin A.Arens dan James K.Loebbecke mengatakan audit sebagai :

“Pengauditan adalah pengumpulan dan penilaian bukti mengenai maklumat untuk menentukan dan melaporkan kepada mereka yang berkepentingan antara maklumat dan kriteria yang ditetapkan. Pengauditan yang perlu dilakukan oleh orang yang berwibawa dan bebas.”<sup>9</sup>

Manakala audit menurut Institut Akauntan Awam Bertauliah Amerika :

“Pengauditan bermatlamatkan kepada peperiksaan biasa terhadap penyata kewangan oleh juruaudit bebas menerusi ungkapan pendapat yang adil dengan mereka mempersembahkan kedudukan kewangan, keputusan operasi dan perubahan dalam kedudukan kewangan yang mematuhi prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum.”<sup>10</sup>

---

<sup>8</sup> Emile Woolf, *op. cit.*

<sup>9</sup> Alvin A. Arens dan James K. Loebbecke, *Auditing An Integrated Approach*, (New Jersey: Prentice-Hill Inc, 1997), International Edition, 7th Edition, 2.

<sup>10</sup> American Institute of Certified Public Accountants, 1<sup>st</sup> paragraph “*statement on auditing standart no P*” (au.110,01).

ISO 9000: 2005 Sistem Pengurusan Kualiti - Asas dan Perbendaharaan Kata (*Quality Management Systems – Fundamentals and Vocabulary*) memberikan takrifan audit sebagai:<sup>11</sup>

“Suatu proses pemeriksaan yang sistematik, bebas dan didokumenkan bagi mendapatkan bukti audit serta menilai bukti tersebut secara objektif bagi menentukan sejauhmana kriteria audit dipenuhi.”<sup>12</sup>

Dalam bahasa arab, audit disebut sebagai *al-murāja‘ah* (المراجعة) yang membawa maksud menonton dan memeriksa. Dan dalam istilah perakaunan ia membawa maksud memerhati, memeriksa dan melaporkan tindakan kewangan dan urus niaga dan memberi bimbingan untuk prestasi yang lebih baik. Ia juga merujuk kepada akauntabiliti dan tanggungjawab oleh diri sendiri dan orang lain.<sup>13</sup>

Ada juga perkataan-perkataan lain yang digunapakai dalam bahasa arab yang merujuk kepada amalan pengauditan iaitu *al-raqābah* (الرقابة), *al-tadqīq* (التدقيق), dan *fahāṣan al-ḥisābāt* (فحص الحسابات). Perkataan *al-murāja‘ah* (المراجعة) lebih popular digunakan dalam permasalahan pengauditan.

Secara umum pengertian di atas dapat ditakrifkan audit sebagai satu proses bersistem yang dilakukan untuk mencari dan menilai secara objektif bukti-bukti tentang kendalian yang telah dilaksanakan atau hasil yang telah diperolehi. Perbandingan antara bukti-bukti dengan kriteria yang telah ditentukan untuk:

- i. Menentukan kesesuaian antara kendalian yang telah terlaksana dengan kriteria tersebut.
- ii. Membentuk pertimbangan tentang tingkat kesesuaian berkenaan dan;
- iii. Menyampaikan penemuan berkenaan kepada individu.

---

<sup>11</sup> ISO 9000: 2005, *Quality Management Systems – Fundamentals and Vocabulary* (Geneva: International Standard, 2005), 5.

<sup>12</sup> Razimah Abdullah, *Audit Dalam yang berkesan: Rujukan lengkap audit proses* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM, 2006), 31.

<sup>13</sup> Hussien Hussien Shehata, *Introduction to Auditing* (Kaherah: Universiti Al-Azhar, 2003), 61.

Bukti objektif yang disediakan itu diperiksa kesahihannya di peringkat dalaman dan juga luaran. Pemeriksaan itu bertujuan untuk memastikan segala peraturan dan prosedur yang dikehendaki oleh akta dan standard dipatuhi. Manakala, semua perkara yang direkodkan disokong oleh bukti-bukti dokumen yang sah. Ianya sejajar dengan syarikat yang ditubuhkan mengikut Akta Syarikat 1965 dan berdaftar dengan Pendaftar Syarikat dimestikan pengauditan atau pemeriksaan rekodnya oleh juruaudit luaran yang bertauliah.<sup>14</sup>

Para juruaudit luar ini yang terdiri daripada akauntan bertauliah yang mesti memberi pendapat mereka selepas mengaudit dengan teliti ke atas akaun-akaun dengan menyatakan kesaksamaan dan kebenaran (*true and fair view*) laporan yang diterbitkan kepada umum.<sup>15</sup>

Audit mempunyai proses dan objektif yang sama untuk memberikan laporan kepada penyata kewangan sama ada benar atau tidak. Audit juga merupakan satu proses yang sistematik dengan tujuan untuk memperolehi dan menilai bukti berdasarkan pernyataan mengenai aktiviti-aktiviti dan peristiwa ekonomi bagi memastikan jumlah maklumbalas antara pernyataan dan kriteria yang dibuat agar sampai kepada pengguna yang berminat.<sup>16</sup>

Kriteria yang dibangunkan adalah berdasarkan piawaian ke atas pernyataan dan penyertaan yang diadili. Kriteria mungkin peraturan yang spesifik yang dinyatakan oleh badan perundangan, peruntukan dan lain-lain pengukuran yang ditentukan oleh pengurusan atau diterima secara umum oleh Prinsip-Prinsip dan Amalan Perakaunan Diterima Umum (*Generally Accepted Accounting Principles (GAAP)*) yang telah dibuat

---

<sup>14</sup> Wan Madznah, *op. cit.*, 4.

<sup>15</sup> *Ibid.*


<sup>16</sup> Mohd Abdullah dan Hazianti, *op. cit.*, 7.

oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Kewangan (*Financial Accounting Standard Board* (FASB)) dan pihak-pihak berkuasa yang lain.<sup>17</sup>

Terdapat beberapa fungsi dalam pengauditan iaitu pertama, peraturan dalam perakaunan adalah ciri-ciri untuk menilai maklumat perakaunan sama ada direkod dengan betul atau tidak. Kedua, juruaudit hendaklah memahami peraturan yang terdapat dalam GAAP. Ketiga, juruaudit juga perlu mempunyai kepakaran dalam mengumpul dan juga menginterpretasikan bukti-bukti audit.

Merujuk pada Rajah 2.1 di bawah, perakaunan merupakan aktiviti yang melibatkan rekod transaksi ekonomi yang bermula daripada dokumen sumber sehingga ke penyata kewangan. Rekod-rekod ini merupakan maklumat yang perlu untuk tujuan pengauditan bagi membuat pengesahan maklumat oleh juruaudit untuk digunakan oleh pihak pengurusan dan pihak ketiga.

Rajah 2.1: Proses Pengauditan.



Sumber: Mohd Abdullah dan Hazianti, *Pengauditan*, Kuala Lumpur, 2006.

Manakala Pengauditan pula merupakan proses sistematik untuk memeriksa penyata kewangan secara kritis. Pemeriksaan dilakukan daripada penyata sehingga kepada transaksi awal ekonomi. Ia bertujuan untuk membuktikan bahawa segala

<sup>17</sup> *Ibid.*



transaksi direkodkan dengan tepat dan benar. Tujuan utama pengauditan adalah untuk memberikan gambaran dan pendapat kepada penyata kewangan sama ada benar dan saksama atau tidak dan seterusnya digunakan oleh pihak ketiga untuk membuat keputusan.

## 2.2.2 Objektif Audit

Menurut Standard Pengauditan Antarabangsa (ISA 200), objektif utama setiap audit khususnya kewangan adalah untuk membolehkan juruaudit mengemukakan pendapat sama ada sesuatu penyata kewangan atau laporan itu telah disediakan secara materialnya mengikut rangka kerja laporan kewangan yang diterima umum dan disokong dengan bukti yang mana juruaudit perlu menetapkan objektif yang spesifik bagi setiap bukti.<sup>18</sup> Antara objektif audit ialah:<sup>19</sup>

i. Kesahihan (*Validity*)

Hanya urusan yang benar-benar telah berlaku perlu dilaporkan di dalam laporan. Juruaudit perlu menentukan sama ada maklumat yang terbit daripada urusan yang berlaku adalah maklumat yang mesti menggambarkan nilai sebenar. Ianya bukanlah nilai yang direka dan ianya mestilah boleh disahkan.

ii. Kesempurnaan (*Completeness*)

Juruaudit perlu menentukan semua catatan transaksi urusan adalah direkodkan di dalam penyata kewangan dan laporan.

---

<sup>18</sup> International Standard on Auditing 200, "Overall Objectives of The Independent Auditor and The Conduct of An Audit In Accordance With International Standards on Auditing," laman sesawang *International Federation of Accountants*, dicapai 26 Januari 2013, <http://www.ifac.org/sites/default/files/downloads/a008-2010-iaasb-handbook-isa-200.pdf>.

<sup>19</sup> Mohd Abdullah dan Hazianti, *op. cit.*, 91-93.

iii. Tempoh Urusniaga (*Cutoff*)

Juruaudit perlu menentukan urusniaga yang direkodkan adalah berdasarkan tempoh perakaunan atau operasi mengikut tahunan semasa.

iv. Pemilikan (*Ownership*)

Juruaudit perlu menentukan segala urusniaga yang tercatat dalam penyata kewangan dan laporan adalah dimiliki atau kepunyaan syarikat dan perlu memastikan aset yang dilaporkan itu benar-benar wujud dan milik syarikat.

v. Ketepatan (*Accuracy*)

Jumlah yang dilaporkan di dalam penyata kewangan dan juga laporan perlulah dicatat dalam jumlah yang tepat dan pada nilai yang sebenar. Maka, juruaudit perlu menentukan urusniaga atau nilai amaun yang terkandung di dalam akaun adalah tepat dan benar seperti yang tercatat di dalam lejar dan jurnal.

vi. Penilaian (*Valuation*)

Juruaudit perlu menentukan akaun yang ditunjukkan di dalam penyata kewangan direkodkan pada amaun yang sewajarnya. Item-item dalam akaun, aset-aset, liabiliti, ekuiti, hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan di dalam penyata kewangan atau laporan sepatutnya dinilai secara adil dan saksama.

vii. Klasifikasi (*Classification*)

Juruaudit perlu meneliti dan menentukan urusniaga yang direkodkan dimasukkan dalam akaun yang betul.

viii. Pendedahan (*Disclosure*)

Pendedahan dalam penyata kewangan dan laporan perlulah menunjukkan transaksi atau operasi yang sebenar. Maka, juruaudit perlu menentukan segala maklumat tentang sesuatu urusan perlu dibuat dalam penyata kewangan atau laporan yang bertulis.

### 2.2.3 Jenis-Jenis Audit

Audit bagi tujuan pengesahan atau pensijilan dijalankan oleh tiga pihak yang terdiri dari pihak institusi, pihak pemberi perkhidmatan dan pihak badan pengawasan. Terdapat empat jenis audit iaitu:<sup>20</sup>

i. Audit Pematuhan (*Compliance Audit*)

Pengauditan ini adalah menentukan sama ada operasi organisasi atau perkhidmatan kepada pelanggan mengikut atau mematuhi peraturan, polisi dan undang-undang yang ditetapkan seperti menentukan sama ada pengamal perakaunan atau individu mematuhi peraturan syarikat. Hasil dari audit ini akan dilaporkan kepada pihak-pihak tertentu dalam organisasi yang diaudit terutamanya kepada pihak pengurusan dan bukannya kepada pihak luar. Ianya digunakan agar pematuhan undang-undang dan peraturan dipatuhi sepenuhnya. Juruaudit telah membuat perjanjian untuk menentukan sama ada institusi patuh dengan aspek-aspek tertentu dalam menantikan peruntukan untuk masa hadapan. Begitu juga, pihak syarikat mungkin mempunyai juruaudit yang dapat menentukan di masa kedudukan syarikat dan polisi mengikut jabatan dalam organisasi.

---

<sup>20</sup> Mohd Abdullah dan Hazianti, *op. cit.*, 15-16; Mary Lee et al., *op.cit.*, 4-5.

ii. Audit Operasi (*Operational Audit/Performance Audit*)

Jenis pengauditan ini memeriksa semua operasi dan kaedah yang digunakan dalam organisasi dengan tujuan untuk menilai kecekapan (mencapai objektif) dan keberkesanan (menggunakan sumber-sumber dengan baik) operasi mereka. Hasil yang dijangkakan dari audit operasi ialah untuk memberikan cadangan kepada institusi untuk memperbaiki lagi operasi organisasi. Penilaian keberkesanan operasi dalam audit ini tidak terhad kepada perakaunan sahaja tetapi termasuk juga membuat penilaian struktur organisasi, operasi komputer, kaedah pengeluaran, pemasaran dan mana-mana bidang yang juruaudit mempunyai kepakaran atau kelayakan.

iii. Audit Forensik (*Forensic Audit*)

Pengauditan jenis ini adalah bertujuan untuk mengesan aktiviti-aktiviti '*fraud*' dan jenayah kolar putih (taraf profesional). Pengauditan untuk audit forensik merupakan tindakan yang relevan kerana aktiviti fraud seringkali berlaku dalam isu penyata kewangan. Juruaudit melakukan analisis transaksi kewangan yang melibatkan pemindahan wang yang tidak diketahui siapa pelaku antara syarikat.

iv. Audit Penyata Kewangan (*Financial Audit*)

Audit kewangan melibatkan pemeriksaan perancangan kewangan dan proses laporan, pengendalian operasi kewangan, kebolehpercayaan dan integriti rekod kewangan, dan dikaji oleh kawalan berhubung dengan fungsi-fungsi kewangan.

#### 2.2.4 Keperluan Audit

Dalam senario ekonomi terdapat dua hubungan utama dalam sesebuah entiti. Hubungan tersebut merujuk kepada hubungan dalam entiti itu sendiri (pengguna

dalaman) dan hubungan entiti dengan orang luar yang mempunyai kepentingan dalam entiti tersebut (pengguna luaran).<sup>21</sup>

Proses audit diperlukan untuk menjaga kepentingan kedua-dua hubungan tersebut sebagaimana berikut:

a. Hubungan antara pengurus dengan pemilik perniagaan.

Dalam senario biasa dalam organisasi, seorang pengurus bertanggungjawab untuk menyediakan laporan kewangan yang akan dilaporkan kepada pemilik perniagaan (*shareholders*). Penyata kewangan contohnya, disediakan oleh pengurus perlu diaudit bagi memastikan kesahihannya. Ini dapat mengelakkan pengurus tersebut daripada memanipulasi data perakaunan untuk kepentingan peribadi.


b. Hubungan dengan pihak luar.

Jika pihak bank contohnya sedang mempertimbangkan keputusan untuk memberi pinjaman kepada sesuatu perniagaan, keputusan yang dibuat biasanya berasaskan kepada faktor-faktor seperti rekod pinjaman yang lepas dan kedudukan kewangan semasa perniagaan. Oleh itu, laporan audit yang lepas adalah penting bagi pihak bank untuk meluluskan pinjaman.

---

<sup>21</sup> Masitah Bujang, "Pengauditan" (PTPL, Shah Alam, 2011), 11.

Rajah 2.2: Perhubungan Agensi



Sumber: Mohd Abdullah dan Hazianti, Pengauditan, Kuala Lumpur, 2006.


### 2.2.5 Evolusi Pengauditan

Pemerhatian Jawatankuasa Persatuan Perakaunan Amerika (AAA), bahawa definisi yang diberikan bertujuan untuk meliputi “mempunyai tujuan yang banyak perbezaan yang mana audit mungkin dijalankan dan pelbagai perkara yang mungkin memberi tumpuan kepada penglibatan dalam audit tertentu,”. Pengauditan arus perdana telah memberi tumpuan kepada memberi pendapat pada kebenaran dan keadilan penyata kewangan syarikat sejak kelahiran profesion perakaunan.<sup>22</sup> Kebanyakan kegagalan korporat beretika dalam keadaan yang dikehendaki, dan telah dikesan (dan mungkin dilemahkan) jika kriteria yang digunakan untuk menilai pematuhan diperluas kepada dimensi lain dan bukannya hanya bergantung kepada GAAP.

Selaras dengan kemunculan kriteria perakaunan yang lain seperti sosial, alam sekitar, sumber manusia dan perakaunan Islam, pengauditan masih tidak berdiri sendiri tetapi telah berkembang, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.3.

<sup>22</sup> Shahul Hameed Mohamed Ibrahim, “The Case For Islamic Auditing”, laman sesawang *Academia*, dicapai 26 Januari 2013, [https://www.academia.edu/4293527/The\\_case\\_for\\_Shariah\\_Auditing](https://www.academia.edu/4293527/The_case_for_Shariah_Auditing).

Rajah 2.3: Evolusi Pengauditan



Sumber: Shahul Hameed, *The Case For Islamic Auditing*, 2012.

Walaupun pada dasarnya pengumpulan bukti dan proses penilaian, skop dan kriteria audit telah pun berkembang. Dalam audit nyata kewangan, hanya kenyataan tentang tindakan dan peristiwa ekonomi diperiksa, manakala dalam audit sosial, persekitaran dan undang-undang syariah, spektrum faktor yang lebih luas diperiksa. Selanjutnya, kriteria yang mana surat-menyurat mereka perlu diperiksa juga telah berkembang jauh di luar GAAP.<sup>23</sup>

### 2.3 TERMINOLOGI SYARIAH

Nabi Muhammad SAW diutuskan untuk mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada ‘*nūr*’ (cahaya). Manusia dilantik menjadi khalifah dan bertanggungjawab

<sup>23</sup> *Ibid.*

melaksanakan segala perintah Allah, adalah merupakan satu perjanjian yang telah dimeterai di antara manusia dan Allah SWT seperti mana dalam firmanNya:

...أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَى شَهِدْنَا...

Al-‘Arāf 7: 172

Terjemahan: Bukankah Aku Tuhan kamu? mereka semua menjawab:  
Benar (Engkaulah Tuhan kami), Kami menjadi saksi.

Kesempurnaan iman dan tauhid seseorang itu kepada Allah SWT hanya akan berlaku apabila seseorang hamba itu telah meyakini bahawa sesungguhnya Allah itu mencipta, memiliki dan menguasai segala yang ada di alam ini dan Dialah pula yang wajib disembah, ditaati dan diikuti segala arahanNya dalam menjalani urusan hidup sama ada sebagai individu, ahli masyarakat, institusi ataupun sebuah sistem. Selagi mana penyerahan diri terhadap segala perintah Allah SWT belum berlaku, maka selagi itulah kesempurnaan Iman dan Islam seseorang masih lagi belum sampai ke tahap seperti yang dikehendaki oleh syarak.

Dalam menjalani kehidupan di dunia sebagai khalifah, manusia dan para Rasul telah diutuskan untuk memandu perjalanan hidup mereka agar bertepatan dengan peraturan dan arahan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Panduan ini adalah penting untuk menjawab sebarang kekeliruan yang timbul dalam proses perjalanan hidup manusia.

Berdasarkan kepada kenyataan ini, dapatlah difahami bahawa syariah yang diwahyukan Allah ini adalah sempurna lagi lengkap tanpa perlu dipersoalkan lagi kemampuannya untuk memandu perjalanan hidup manusia dan alam. Inilah sebabnya mengapa undang-undang datang dan dicipta selepas terbentuk perkembangan masyarakat. Undang-undang adalah hasil ciptaan ramai dan bukan sebaliknya.



### 2.3.1 Definisi Dari Sudut Bahasa

Perkataan *syarī'ah* (شريعة) dari segi bahasa berasal daripada kata kerja yang mempunyai beberapa makna. Antaranya ialah mengambil air dengan mulut, mula melakukan sesuatu, dekat dengan jalan, meninggikan sesuatu, menetapkan dan menjelaskan sesuatu.<sup>24</sup> Begitu juga menurut al-Razi dalam kitabnya, boleh dimaksudkan dengan menempuh (نَجح), menjelaskan (اوضح), menunjukkan jalan (بيان المسالك). Sedangkan ungkapan *syara'a lahum – yasyra'u – syar'an* bererti menetapkan (*sanna*).<sup>25</sup>

Menurut Ibn Manzūr yang telah mengumpulkan pengertian dan ungkapan dalam kitabnya, syariah mempunyai beberapa erti. Di antaranya adalah *masyra'ah al-ma'* iaitu sumber air yang melimpah dan tiada kehabisan (kering).<sup>26</sup> Sedangkan menurut al-Jurjani, syariah boleh juga diertikan dengan “jalan lurus” (طريق مستقيم)<sup>27</sup> atau “jalan yang menyampaikan kepada air” (الطريق الذي يتوصل منه إلى الماء).<sup>28</sup> Antara perkataan yang seakan dengan pengertian ini ialah perkataan (شارع) yang bererti jalan raya (الطريق الأعظم).<sup>29</sup> Jalan raya dinamakan sebagai syari adalah kerana ia menyampaikan kepada sesuatu tempat yang dituju oleh seseorang (لأنه طريق إلى المقصد).<sup>30</sup>

Menurut pengertian yang kedua, perkataan syariah bererti “sumber air yang digunakan oleh manusia sebagai punca minuman dan untuk menyirami tanaman”. Bangsa arab tidak menamakan sesuatu sumber air sebagai *al-syarī'ah* kecuali jika ianya sentiasa dipenuhi dengan air yang banyak dan boleh diambil tanpa perlu menggunakan tali dan di samping itu juga ia hendaklah mempunyai mata airnya sendiri, bukannya bersumber air hujan.<sup>31</sup>

<sup>24</sup> Naṣṣār Sayyīd Aḥmad et al., *al-Mu'jam al-Wasīṭ* (Istanbul : Dar al-Da'wah, 1990), 479.

<sup>25</sup> Muḥammad ibn Abī Bakr 'Abd al-Qādir al-Razī, *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ* (Beirut: Dar al-Fikr, 1963), 294.

<sup>26</sup> Muḥammad ibn Mukarram ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beirut : Dar Sadir, 1990), 1:175.

<sup>27</sup> 'Alī ibn Muḥammad al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta'rīfāt* (Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 2000), 167.

<sup>28</sup> Muḥammad ibn Aḥmad al-Qurṭubī, *al-Jami' li al-Aḥkam al-Qurān* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996), 6:137.

<sup>29</sup> Al-Mubārak ibn Muḥammad ibn al-Athīr, *al-Nihāyat fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athar* ed. Maḥmud Muḥammad al-Tanāhī dan Tāhīr Aḥmad al-Zāwī (Beirut: Dār al-Fikr, 1979), 2:460.

<sup>30</sup> al-Qurṭubī, *op. cit.*, 16:109.

<sup>31</sup> Ibn Manzūr, *op. cit.*, 8:310.

Dalam konteks ini makna yang paling sesuai ialah menetapkan dan menjelaskan sesuatu,<sup>32</sup> sepertimana firman Allah SWT

شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّىٰ بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰ أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ كَبُرَ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ (١٣)

al-Syūrā 42: 13

Terjemahan: Allah telah menetapkan dan menjelaskan kepada kamu (wahai umat Islam) daripada perkara-perkara agama apa yang telah Dia perintahkan kepada Nabi Nuh, apa yang telah kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), dan apa yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim, Nabi Musa dan Nabi Isa, iaitu hendaklah kamu menegakkan agama (di atas muka bumi), dan janganlah kamu berpecah-belah padanya.

Dalam menghuraikan ayat 48, sūrah al-Mā'idah, Imam al-Khazin mengatakan:

*“Asal perkataan syariah adalah daripada perkataan al-syar‘u ( الشَّرْعُ ) yang bermaksud penjelasan, pernyataan, penerangan dan pengzahiran. Oleh itu, maksud syara‘a ( شَرَعَ ) (dalam ayat ini) ialah menjelaskan, menerangkan dan menyatakan. Ada ulama berkata, ‘Ia berasal daripada al-syurū‘u fī al-syai‘i ( الشُّرُوعُ فِي الشَّيْءِ ) yang bererti mula melakukan sesuatu. Dalam bahasa Arab, syariah bermaksud tempat ambil air (tanpa perlukan tali) yang didatangi orang ramai untuk minum, menyiram dan*

---

<sup>32</sup> Wan Mohd Nasir Wan Abd Wahab al-Madani al-Azhari, *Maqasid Syariah objektif Hukum-Hakam Islam*, (Selangor: PSN Publication, 2012), 9.

*memberi minum haiwan dan sebagainya.’ Ada juga yang mengatakan dengan makna jalan Ilahi yang menyampaikan kepada agama.’<sup>33</sup>*

### 2.3.2 Definisi Dari Sudut Istilah

Manakala dari sudut istilah sering digunapakai untuk menyebut pengertian tertentu yang berbeza dari maksud bahasanya. Imam al-Qurtubi menyatakan bahawa syariah bererti agama yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk hamba-hambanya yang terdiri dari berbagai hukum dan ketentuan.<sup>34</sup> Hukum dan ketentuan Allah itu disebut syariah kerana mempunyai kesamaan dengan sumber air yang menjadi sumber utama kehidupan bagi setiap makhluk. Maka menurut Ibn al-Manzur, syariah boleh disama-ertikan dengan agama.<sup>35</sup>

Imam al-Jurjani mengatakan:

الشريعة هي الالتزام بالالتزام العبودية. وقيل : الشريعة هي الطريق في الدين.

*“Syariah ialah menjunjung perintah (Allah SWT) dengan cara sentiasa melaksanakan (tanggungjawab) ‘ubudiyah (kepada-Nya). Ada ulama berkata, ‘Syariah ialah jalan (yang diikuti) dalam (melaksanakan tuntutan) agama.’<sup>36</sup>*

Menurut Ibn al-Athīr<sup>37</sup> dan al-Qurṭubī<sup>38</sup> mentakrifkan syariah sebagai apa sahaja persoalan agama yang telah disyariatkan oleh Allah untuk hambaNya ( ما شرعه الله (لعباده من الدين). Manakala Yūsuf Ḥāmid al-‘Ālim menyimpulkannya sebagai hukum-hukum yang disyariatkan (الأحكام المشروعة).<sup>39</sup>

<sup>33</sup> ‘Alī ibn Muḥammad ibn Ibrāhīm al-Baghdādī al-Ṣufī al-Ma‘ruf bi-al-Khazīn, *Tafsir al-Khazīn al-Musamma Lubāb al-Ta‘wil fi ma‘anī al-Tanzīl* (Kaherah : Matba‘at Mustafa al-Babi al-Halabi wa-awladih, 1955),

<sup>34</sup> Muḥammad ibn Aḥmad al-Qurṭubī, *al-Jamī‘ li-aḥkām al-Qurān* (Riyadh : Dar ‘Alam al-Kutub, 2003), 16:163.

<sup>35</sup> Ibn Manzūr, *op. cit.*, 11:631.

<sup>36</sup> al-Jurjānī, *op. cit.*, 1:167.

<sup>37</sup> Ibn al-Athīr, *op. cit.*, 460.

<sup>38</sup> al-Qurṭubī, *op. cit.*, 6:137

<sup>39</sup> Yūsuf Ḥāmid al-‘Ālim, *al-Maqāṣid al-‘Āmmah li al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah* (Riyadh: al-Dar al-Alamiyyah, 1994), 20

Dalam bahasa Melayu, perkataan *al-syar'* disebut sebagai syarak<sup>40</sup> yang biasa digunapakai oleh fuqaha khususnya dalam memberikan penjelasan sesuatu istilah hukum seperti solat, puasa, zakat, haji, jual beli, perkahwinan dan lain-lain, yang mana istilah-istilah ini akan dinyatakan menurut pengertian bahasa dan syarak sekali. Manakala ulama' *usul al-fiqh* pula menggunakan istilah (شرع من قبلنا) iaitu satu istilah yang menggunakan perkataan *al-syar'* dengan maksud *al-syarī'ah*.

Secara umumnya, *syarī'ah* (شريعة) bermaksud hukum-hakam yang ditetapkan, dijelaskan dan diturunkan oleh Allah SWT kepada mana-mana Nabi AS, sebagaimana firman Allah SWT,

لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَا وَ لَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ

al-Mā'idah 5: 48

Terjemahan: Bagi setiap umat daripada kalangan kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Kalau Allah menghendaki nescaya Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Dia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu.

Secara khususnya seperti dalam konteks ini, *syarī'ah* (شريعة) ialah hukum-hakam agama yang telah ditetapkan, dijelaskan, diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW sama ada yang berkaitan dengan akidah, ibadah, akhlak atau lainnya.

Penjelasan tersebut menunjukkan bahawa fuqaha' memberikan dua pengertian kepada istilah syariah iaitu pengertian yang luas dan meliputi semua permasalahan

---

<sup>40</sup> Teuku Iskandar et al., *Kamus Dewan* (K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 1254.

agama serta pengertian khusus yang melibatkan hukum-hukum cabang sahaja. Ini bermaksud pengertian syariah yang dikhususkan kepada hukum-hukum yang berbentuk amali itu telah pun dikenali dan digunakan sejak dahulu lagi. Maka dengan adanya pengertian seumpama ini, maka tidak timbul lagi sebarang kekeliruan.

### 2.3.3 Hubungkait Di Antara Dua Definisi

Berpandukan penjelasan sebelum ini, boleh dirumuskan bahawa pengertian syariah menurut bahasa ialah “jalan yang lurus” adalah relevan dengan pengertian syariah menurut istilah iaitu “hukum-hukum *taklīfiyyah* yang bersifat amali” kerana ia merupakan suatu jalan yang membawa kepada keredhaan Allah SWT. Hukum-hukum yang diwahyukan dinamakan sebagai syariah kerana ianya bersifat lurus dan tiada sebarang penyelewengan seolah-olah merupakan sebatang jalan yang lurus, nyata lagi terang. Ini disebabkan syariah merupakan jalan yang menyampaikan kepada kehidupan yang sejahtera, keredhaan, rahmat dan syurgaNya.<sup>41</sup>

Manakala pengertian syariah menurut bahasa sebagai “sumber air minum” pula adalah relevan dengan pengertian istilah yang membawa maksud sebagai “keseluruhan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW” kerana “air” memberikan kehidupan kepada fizikal, manakala “syariah” pula membawa kehidupan kepada manusia dari aspek spiritual dan mental.<sup>42</sup> Ianya ibarat sumber air minum yang banyak, di mana seseorang yang mendapatkannya adalah seumpama mendatangi sebatang sungai yang dilimpahi air, lalu dia minum daripadanya tanpa memerlukan usaha yang banyak. Ia juga tidak perlu bimbang tentang kehabisan air tersebut.

---

<sup>41</sup> ‘Umār Sulaymān al-Asyqar, *Khaṣā’iṣ al-Syarī’ah al-Islāmiyyah* (Oman: Dār al-Nafā’is, 1991), 12.

<sup>42</sup> Al-Ḥusayn ibn Muḥammad al-Rāghib al-Aṣḥānī, *Mufradāt Alfāz al-Qur’ān*, ed. Safwān Adnān Dāwūdī (Damsyiq: Dar al-Qalam, 1997), 290-291.

## 2.4 DEFINISI AUDIT SYARIAH

Jelaslah kepada kita daripada definisi audit dan juga syariah yang telah dinyatakan di atas memberi gambaran awal berkenaan audit syariah dan perkara perbahasannya. Manakala dari sudut definisi khususnya mempunyai pelbagai pentakrifan.

Audit syariah menurut Bank Negara Malaysia (BNM) ialah:

“Penilaian berkala yang dijalankan dari semasa ke semasa, untuk memberi penilaian bebas dan pengesahan objektif bertujuan untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap pematuhan berhubung dengan operasi institusi kewangan Islam, dengan objektif utama untuk memastikan sistem kawalan dalaman yang berkesan dan kukuh untuk pematuhan syariah.”<sup>43</sup>

Manakala menurut Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) ialah:

“Kajian syariah dalaman (yang dijalankan oleh bahagian bebas atau sebahagian daripada jabatan audit dalaman) adalah untuk memastikan pengurusan sesuatu institusi kewangan Islam melaksanakan tanggungjawab mereka berhubung dengan pelaksanaan peraturan dan prinsip syariah yang ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah institusi kewangan Islam.”<sup>44</sup>

Dr. Samir Mazhar Kantakji pula mendefinisikan audit syariah sebagai:<sup>45</sup>

ان التدقيق الشرعي هي شكل من اشكال الرقابة الادارية، فالادارة تعمل بنظرية الوكالة، لذلك هي

وكيلة عن المساهمين الذين يرغبون بالعمل وفقا لاحكام الشريعة الاسلامية.

---

<sup>43</sup> Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (K. Lumpur: BNM, 2010), 23.

<sup>44</sup> Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), *Governance Standard for IFIs No. 3. Internal Shariah Review* (Manama: AAOIFI, 2010).

<sup>45</sup> Mohd Nazri Chik, “Shariah Audit: Shariah Perspective,” (slaid, International Shariah Audit Conference, Crowne Plaza Mutiara, Kuala Lumpur, 9 Mei 2011).

Terjemahan: Audit syariah adalah satu bentuk pengawasan pentadbiran, pentadbiran bekerja yang berteorikan agensi, jadi ia adalah wakil bagi pemegang saham yang ingin beroperasi yang selaras dengan peruntukan undang-undang syariah Islam.

Manakala *Syarikah al-Rājhī al-Maṣrafiyyah lil Istismar* mendefinisikan audit syariah sebagai “Pihak yang memastikan sejauhmana sesebuah institusi kewangan Islam mematuhi syariah Islam berdasarkan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Syariah institusi terbabit.”<sup>46</sup>

Walau bagaimanapun, masih belum ada lagi definisi yang tepat<sup>47</sup> dan digunakan secara meluas berkenaan dengan audit syariah disebabkan kekurangan bahan-bahan literatur dalam perkara mengenainya.<sup>48</sup> Penerangan yang paling hampir yang mencerminkan apa itu audit syariah sebagaimana yang ditakrifkan iaitu:

“Kajian syariah menerusi pemeriksaan termasuk kontrak, perjanjian, polisi, produk, transaksi, memorandum dan perkara-perkara pertubuhan, penyata kewangan, laporan pemeriksaan bank terutama dalaman dan pusat, pekeliling dan lain-lain.”<sup>49</sup>

Walaupun ia memberi maksud kepada audit syariah tetapi masih ada lagi bahagian-bahagian yang tidak dijelaskan di dalam definisi tersebut seperti struktur organisasi, proses, pekerja dan termasuk juga strategi pemasaran yang digunakan oleh institusi kewangan Islam. Semua ini perlu tertakluk kepada audit syariah kerana ini adalah sebahagian yang amat berpotensi serta berisiko bagi sesebuah bank.

Oleh itu, definisi cadangan yang merujuk kepada audit syariah adalah:

“Audit syariah adalah pemeriksaan kepada sebuah institusi pematuhan syariah, dalam semua aktivitinya khususnya penyata kewangan dan komponen operasi lain yang tertakluk kepada risiko pematuhan yang mana tidak terhad kepada produk tetapi kepada

---

<sup>46</sup> Mohd Zamerey Abdul Razak dan Nurmaezah Omar, “Audit Syariah dalam Institusi Kewangan Islam di Malaysia,” *Jurnal Muamalat* Bil 1 (JAKIM, 2008), 137.

<sup>47</sup> Abdul Rahman A. Shukor (Penolong Timbalan Presiden, Jabatan Syariah, Kumpulan Bahagian Perbankan Islam, CIMB Investment Bank Berhad), dalam temubual dengan penulis, 6 November 2014.

<sup>48</sup> Syed Alwi Mohamed Sultan, *A Mini Guide to Shari'ah Audit for Islamic Financial Institutions – A Primer* (Kuala Lumpur: CERT Publications, 2007), 6.

<sup>49</sup> AAOIFI, *Governance Standard for IFIs No. 2. Shariah Review* (Manama: AAOIFI, 2010) Para 3.

teknologi yang menyokong operasi, proses operasi, mereka yang terlibat dalam bidang risiko utama, dokumen dan kontrak, polisi dan prosedur serta aktiviti-aktiviti lain yang memerlukan pematuhan kepada prinsip syariah.<sup>50</sup>

Definisi yang diberikan adalah salah satu cubaan berbentuk akademik untuk menyediakan skop yang menyeluruh daripada audit syariah yang sepatutnya. Tetapi secara realiti, setiap latihan audit syariah akan perlu mengambil kira bidang kuasa daripada pihak pengurusan atau keperluan undang-undang dan juga mempertimbangkan fungsi auditabiliti tertentu, sebelum membuat keputusan mengenai skop dan skala audit.<sup>51</sup>

Maka, boleh dirumuskan daripada definisi-definisi sebelumnya bahawa makna umum audit syariah adalah untuk memerhati dan memeriksa operasi, mengkaji, mengawal dan melaporkan mengenai transaksi dan urusan untuk dibetulkan mengikut peraturan dan perundangan Islam dalam menyediakan penggunaan yang betul dan tepat pada masanya yang diamanahkan dan laporan yang adil untuk membuat keputusan.

#### 2.4.1 Dalil Pensyariatan

Dalil pembuktian aspek pengawasan yang menjadi intipati kepada audit syariah telah digariskan dalam al-Quran, *al-Sunnah*, *Ijma'*, *Qiyas* dan sebagainya yang menerangkan berkenaan konsep hisbah<sup>52</sup>. Menurut 'Abd al-Karim Zaydan bahawa pensyariatan hisbah dalam Islam dapat dilihat dalam nas-nas yang berkaitan dengan *al-amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar* yang mesti dilaksanakan dalam sesebuah institusi Islam.<sup>53</sup> Antara dalil yang masyhur ialah:

---

<sup>50</sup> Syed Alwi, *op. cit.*, 8.

<sup>51</sup> *Ibid.*

<sup>52</sup> Hisbah bermaksud satu entiti kerajaan yang diwakilkan kepada seseorang pegawai yang khusus yang dinamakan *muhtasib* yang berperanan untuk mengawal selia aktiviti ekonomi, keagamaan, kesihatan dan hal ehwal perbandaran serta pentadbiran sesebuah bandar. Ini untuk memastikan segala aktiviti tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak dan menghukum mereka yang bersalah.

<sup>53</sup> 'Abd al-Karim Zaydan, *Nizam al-Qada' fi al-Syarī'at al-Islāmiyyah* (Beirut: al-Risalah Publishers, 1998), 315.



- i. Firman Allah Taala yang menyentuh tentang audit - pembentangan dan perbincangan dalam hitungan amal (*Hisab*):

فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ (٧) فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا (٨) وَيَنْقَلِبُ إِلَىٰ أَهْلِهِ

مَسْرُورًا (٩)

al-Insyiqāq 84: 7-9

Terjemahan: Kemudian sesiapa yang diberi menerima surat amalnya dengan tangan kanannya. Maka ia akan dihisab dengan cara yang mudah dan ringan. Dan ia akan pergi kepada keluarganya (yang beriman) dengan sukacita.

- ii. Raqib dan 'Atid adalah juruaudit yang terbaik sebagaimana firman Allah SWT lagi:

وَإِنَّ عَلَيْكُمْ لَحَافِظِينَ (١٠) كِرَامًا كَاتِبِينَ (١١) يَعْلَمُونَ مَا تَفْعَلُونَ (١٢)

al-Infīṭār 82: 10-12

Terjemahan: Padahal sesungguhnya, ada malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawas segala bawaan kamu. (Mereka adalah makhluk) yang mulia (di sisi Allah), lagi ditugaskan menulis (amal-amal kamu). Mereka mengetahui apa yang kamu lakukan.

iii. Nabi Sulaiman AS: Menerajui latihan audit. Allah SWT berfirman:

وَتَفَقَّدَ الطَّيْرَ فَقَالَ مَا لِيَ لَا أَرَى الْهُدُودَ أَمْ كَانَ مِنَ الْعَائِينَ (٢٠) لَأُعَذِّبَنَّهُ عَذَابًا

شَدِيدًا أَوْ لَأَذْبَحَنَّهُ أَوْ لِيَأْتِنِي بِسُلْطَنٍ مُّبِينٍ (٢١)

al-Naml 27: 20-21

Terjemahan: Dan (setelah itu) Nabi Sulaiman memeriksa kumpulan burung (yang turut serta dalam tenteranya) lalu berkata: “Mengapa aku tidak melihat burung belatuk? Adakah ia dari mereka yang tidak hadir?. “Demi sesungguhnya! Aku akan menyeksanya dengan seksa yang seberat-beratnya, atau aku akan menyembelihnya, kecuali ia membawa kepadaku alasan yang terang nyata (yang membuktikan sebab-sebab ia tidak hadir).”

## 2.5 OBJEKTIF AUDIT SYARIAH

Setiap disiplin ilmu mempunyai objektif yang tersendiri. Objektif tersebut akan menyediakan jawapan bagi persoalan kenapa dan mengapa disiplin sesuatu ilmu tersebut dipelajari. Bagi audit syariah ini contohnya, ia lebih menumpukan kepada pematuhan syariah dalam semua aktiviti di dalam institusi kewangan Islam.

Objektif audit syariah menyediakan keperluan untuk aktiviti-aktiviti yang perlu dijalankan dalam menjalankan audit. Secara umum, objektif menjalankan apa-apa sahaja jenis audit syariah adalah untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti yang

dijalankan oleh institusi kewangan Islam tidak melanggar syariah.<sup>54</sup> Walau bagaimanapun, untuk mencapai matlamat pematuhan syariah, ianya bergantung kepada mandat yang diberikan oleh pihak pengurusan bank atau berasaskan keperluan undang-undang.<sup>55</sup>

Sebagai contoh, objektif audit penyata kewangan adalah untuk membolehkan juruaudit menyatakan pendapat sama ada penyata kewangan disediakan dalam semua aspek, mengikut peraturan dan prinsip syariah. Tambahan pula, standard perakaunannya diperakui oleh AAOIFI atau piawaian perakaunan kebangsaan yang relevan dan amalan institusi kewangan itu beroperasi. Di samping itu, fasa yang digunakan untuk menyatakan pendapat juruaudit adalah mampu untuk memberi pandangan yang benar dan saksama.<sup>56</sup>

Dalam pada itu, menurut Ibrahim pula, objektif audit syariah akan mengharapkan juruaudit dapat memberikan unsur-unsur jaminan dengan meletakkan perkara-perkara pertimbangan seperti yang dinyatakan di bawah:<sup>57</sup>

- i. Dapat mengetahui batasan antara pengguna, pengamal dan mereka yang bertanggungjawab. Juruaudit perlu tahu sempadan hubungan tiga pihak tersebut untuk mengelakkan integriti mereka dipersoalkan.
- ii. Menangani perkara yang berkaitan seperti kenyataan penyata kewangan.
- iii. Mengetahui standard untuk diaplikasi tanpa mengira sama ada ia adalah IFSB atau standard AAOIFI.
- iv. Menyediakan bukti yang mencukupi untuk menyokong penemuan mereka.

---

<sup>54</sup> Abdul Rahman A. Shukor (Penolong Timbalan Presiden, Jabatan Syariah, Kumpulan Bahagian Perbankan Islam, CIMB Investment Bank Berhad), dalam temubual dengan penulis, 6 November 2014.

<sup>55</sup> *Ibid.*, 10.

<sup>56</sup> Ibrahim, S.H., *Accounting and Auditing for Islamic Financial Institution* (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2009), 416.

<sup>57</sup> *Ibid.*, 418.

- v. Satu laporan jaminan bertulis sama ada ia adalah jaminan yang munasabah atau terhad.

Ringkasnya, audit syariah ini bukanlah menjadi matlamat dan objektif utamanya hanya semata-mata untuk menentukan elemen-elemen yang halal dan yang haram sahaja, malah parameter audit syariah ini sebenarnya mempunyai objektif yang lebih besar daripada itu.<sup>58</sup> Sementelahan, ia digunakan untuk membangunkan dan melahirkan generasi masyarakat manusia yang mencintai dan menegakkan cara hidup yang diredhai agar kehidupan akan menjadi lebih baik sama ada di dunia ataupun di akhirat.

Memandangkan objektif yang sebegini besar dan luas, adalah tidak wajar sekiranya penanda aras audit syariah ini bersifat beku, statik dan jumud.<sup>59</sup> Malah ia semestinya bersifat proaktif dan progresif sebagai persediaan dan persiapan untuk menghadapi realiti cabaran globalisasi ekonomi semasa yang sentiasa berubah menurut peredaran zaman dan juga perkembangan daya keintelektualan manusia.

## **2.6 SKOP AUDIT SYARIAH**

Dalam Rangka Kerja Urus Tadbir Syariah (SGF) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada November 2010, telah menetapkan audit syariah sebagai salah satu fungsi penting dalam pematuhan syariah.<sup>60</sup> Audit syariah merujuk kepada penilaian berkala yang dijalankan dari semasa ke semasa, untuk memberi penilaian bebas dan jaminan objektif bertujuan untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap pematuhan

---

<sup>58</sup> Abdul Rahman A. Shukor (Penolong Timbalan Presiden, Jabatan Syariah, Kumpulan Bahagian Perbankan Islam, CIMB Investment Bank Berhad), dalam temubual dengan penulis, 6 November 2014.

<sup>59</sup> Ahcene Lahsasna, *Q&A in Islamic Finance* (Kuala Lumpur: CERT Publications, 2010), 252.

<sup>60</sup> Mustafa Mohd Hanefah et al., *Governance and Shariah Audit in Islamic Financial Institutions* (Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2012), 188.

berkaitan dengan operasi perniagaan institusi kewangan Islam, dengan tujuan utamanya untuk memastikan kawalan sistem dalaman selari dengan pematuhan syariah. Skop audit syariah adalah seperti berikut:

- i. Skop utama ialah penyata kewangan kepada institusi kewangan Islam. Dalam hal ini, audit itu akan direka untuk mengkaji jika penyata kewangan yang telah disediakan mengikut piawaian laporan kewangan semasa di negara ini atau aliran kewangan yang benar-benar dan tepat mencerminkan obligasi yang timbul daripada kontrak syariah yang pelbagai dalam institusi.<sup>61</sup> Jika sesuatu institusi itu mengunapakai standard yang telah dikeluarkan oleh AAOIFI, maka pematuhan kepada standard AAOIFI akan ditafsirkan sebagai kayu pengukur mematuhi syariah.
- ii. Audit pematuhan syariah ke atas struktur organisasi, kakitangan, modus operandi dan aplikasi sistem teknologi maklumat. Lebih-lebih lagi, sebahagian besarnya bergantung kepada jenis perniagaan yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti perniagaan utama yang dijalankan oleh institusi kewangan Islam itu sendiri. Ini akan melibatkan pemeriksaan dasar-dasar dan prosedur institusi kewangan ke atas aktiviti-aktiviti perniagaan utama, manual produk, modus operandi, kontrak dan perjanjian produk, memorandum berkenaan organisasi dan pemerhatian laporan yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan atau Jawatankuasa Syariah dan unit penilaian semula (*review*).<sup>62</sup>
- iii. Penilaian semula dan mengkaji keseluruhan proses urus tadbir syariah. Ia perlu merangkumi peranan, fungsi dan laporan selari dengan mekanisme urus tadbir syariah.<sup>63</sup> Skop audit syariah ini menyemak struktur organisasi dan mereka yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti utama dalam setiap bidang

---

<sup>61</sup> Syed Alwi, *op. cit.*, 12.

<sup>62</sup> *Ibid.*

<sup>63</sup> Mustafa Mohd Hanefah et al., *op. cit.*, 194.

perniagaan dalam institusi. Juruaudit syariah perlu memastikan bahawa hasil daripada audit syariah hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Syariah institusi kewangan Islam. Ini akan memastikan bahawa struktur organisasi telah dilaksanakan serta menjalankan aktiviti perniagaan yang mematuhi syariah dan ini memerlukan personal atau individu yang berkelayakan dalam bidang *fiqh mu'amalah* untuk menyokong operasi institusi kewangan Islam.<sup>64</sup>

## 2.7 CIRI-CIRI AUDIT SYARIAH

Pengauditan dalam perspektif Islam mempunyai beberapa ciri-ciri yang perlu dilaksanakan agar ianya mencerminkan syariat Ilahi. Antara ciri-ciri audit syariah adalah seperti berikut:<sup>65</sup>

- i. Ianya adalah berdasarkan kepada etika kepercayaan seperti percaya bahawa Allah sahajalah pemilik segala sesuatu, percaya pada hari selepas akauntabiliti (hari kiamat) di hadapan Allah.
- ii. Ianya adalah berdasarkan akhlak, seperti takut kepada Allah, kejujuran, amanah, menepati janji, kerjasama, saling bermaafan dan sebagainya. Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

al-Nahl 16: 90

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat;

---

<sup>64</sup> Syed Alwi, *op. cit.*, 13.

<sup>65</sup> Hussien Hussien Shehata, *op. cit.*, 65.

dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman...

- iii. Prinsip pengauditan dalam Islam dijalankan daripada sumber-sumber perundangan Islam seperti al-Quran dan al-Sunnah dan ianya adalah sempurna, kekal dan menyeluruh.
- iv. Audit syariah hanya berurusan dengan transaksi yang sah di sisi undang-undang dan mengelak daripada urusan yang menyalahi peraturan dan undang-undang.
- v. Pengauditan dalam Islam selaras dengan aspek tingkah laku manusia bekerja dalam perekonomian dan memberi motivasi dan insentif ke arah jalan yang dikehendaki oleh perundangan Islam.
- vi. Rangka kerja audit syariah adalah lebih luas dan ianya merangkumi aspek *duniawī* dan *ukhrawī* serta terpakai kepada seluruh kehidupan.

## 2.8 KEPENTINGAN AUDIT SYARIAH

Melihat senario pada masa kini, audit syariah dilihat begitu penting untuk dilaksanakan oleh setiap organisasi umumnya dan sektor kewangan Islam khususnya. Kepentingan-kepentingan dilaksanakan audit syariah ini di antaranya ialah:<sup>66</sup>

- i. Dapat memastikan urusan tadbir sesuatu organisasi mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh hukum syarak.
- ii. Dapat memastikan tiada sebarang pelanggaran terhadap *'illah maqāsīd al-syarī'ah* dan *'illah-'illah* syarak yang ada hubung kait dengan kaedah usul fiqh.

---

<sup>66</sup> Mohd Zamerey dan Nurmaezah, *op. cit.*, 139.

- iii. Dapat mengesyorkan langkah-langkah bagi memperbaiki kecekapan dan keberkesanan proses pentadbiran serta mencadangkan penambahbaikan dalam bidang berkaitan selaras dengan kehendak Islam.<sup>67</sup>
- iv. Dapat memastikan segala keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Syariah dipatuhi dan dilaksanakan oleh setiap warga organisasi sama ada menyentuh perkara-perkara teknikal, modus operandi atau perkara-perkara dasar organisasi.

Latihan audit syariah adalah penting untuk institusi kewangan Islam kerana objektif utama dalam menyediakan jaminan yang munasabah bahawa aktiviti perniagaan dan operasi institusi kewangan Islam tidak bercanggah dengan peraturan dan prinsip syariah. Hal ini demikian kerana ia dapat memuaskan hati juruaudit syariah bahawa segala-galanya yang mereka periksa adalah patuh syariah.<sup>68</sup>

Sebagai hasil dengan jaminan yang munasabah, pemegang saham dan pelabur mendapatkan keselesaan yang pelaburan mereka sedang dijalankan oleh institusi kewangan Islam adalah mengikut peraturan dan prinsip syariah. Pasti, pendapatan dan keuntungan daripada pelaburan ini dianggap sebagai halal dan wajar dari sudut syariah pandangan.<sup>69</sup> Natijahnya, ia akan menarik keyakinan orang ramai dan meningkatkan jumlah pelanggan untuk melibatkan diri dalam hubungan perniagaan dengan institusi kewangan Islam. Oleh itu, ini akan membantu institusi kewangan Islam untuk meningkatkan pelanggan dan pelabur mereka dan pada masa yang sama meningkatkan asas dana serta mengembangkan lagi perniagaan mereka.

---

<sup>67</sup> Abdul Rahman A. Shukor (Penolong Timbalan Presiden, Jabatan Syariah, Kumpulan Bahagian Perbankan Islam, CIMB Investment Bank Berhad), dalam temubual dengan penulis, 6 November 2014.

<sup>68</sup> Muhamad Azhari Wahid, "Shariah Audit in Islamic Finance (Bhg. 1)," *Al-Muamalat*, Siri 5 2012, 8.

<sup>69</sup> *Ibid.*



## 2.9 PIAWAIAN PENGAUDITAN SYARIAH

Secara ringkas, audit syariah yang dipraktikkan akan meliputi piawaian pengauditan yang dikeluarkan sama ada oleh BNM atau AAOIFI sepertimana berikut:<sup>70</sup>

### 2.9.1 Standard Pengauditan AAOIFI

AAOIFI telah mengeluarkan lima piawaian pengauditan. Menurut AAOIFI (Objektif dan Prinsip Audit, No. 1), tujuan pengauditan adalah untuk memastikan bahawa juruaudit dapat meluahkan pendapat mereka sama ada penyata kewangan disediakan dalam semua aspek material mengikut syariah. Garis panduan ini telah menunjukkan betapa juruaudit perlu merancang proses audit dengan kecekapan dan penjagaan profesional. Dengan berbuat demikian, ia memberi jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material.<sup>71</sup>

AAOIFI (Laporan Audit, No. 2) mencadangkan beberapa elemen yang perlu dimasukkan dalam laporan juruaudit itu. Perkara yang perlu ada adalah tajuk, alamat, pengenalan atau perenggan pengenalan, skop audit, perenggan pendapat, tarikh laporan, alamat juruaudit, dan tandatangan juruaudit itu. AAOIFI (Terma Penglibatan Audit, No. 3) terus menghuraikan bahawa juruaudit dan pelanggan perlu bersetuju dengan terma '*engagement*'.<sup>72</sup> Menurut 'Standard Pengauditan No. 4' juruaudit bertanggungjawab menyediakan pendapat mengenai urus niaga perniagaan dijalankan mengikut syariah. Di samping itu, ia adalah perlu untuk mempertimbangkan risiko yang mungkin seperti penipuan dan kesilapan syarikat yang diaudit. Malahan, juruaudit akan

---

<sup>70</sup> Sheila Nu Nu et al., *Accounting, Auditing and Governance for Takaful Operations* (Singapura: John Wiley & Sons Pte. Ltd, 2013), 126-128.

<sup>71</sup> Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), *Accounting, Auditing & Governance Standards* (Manama: AAOIFI, 2010), 47-48.

<sup>72</sup> *Ibid.*, 128-129.

bertanggungjawab untuk kecuaiian dan salah laku jika mereka tidak mengemukakan usaha yang munasabah semasa audit mereka (Standard Pengauditan No. 5).<sup>73</sup>

### 2.9.2 Garis Panduan Audit Syariah Bank Negara Malaysia

BNM telah mengeluarkan dua garis panduan pengauditan utama. Tersebut adalah yang berkaitan dengan pelantikan juruaudit luar dan jawatankuasa audit dan jabatan audit dalaman. Jabatan Dasar Kewangan daripada BNM mengeluarkan garis panduan untuk “Pelantikan Juruaudit Luar”.<sup>74</sup> Menurut garis panduan ini, penyediaan dan integriti penyata kewangan ini adalah tanggungjawab lembaga dan pengurusan kanan institusi perbankan, jaminan audit yang dijalankan dengan betul berfungsi untuk memberikan pandangan bebas tentang kebolehpercayaan penyata kewangan. Oleh itu, adalah penting untuk mengamalkan usaha yang wajar sesuai oleh institusi perbankan dalam pemilihan dan penglibatan juruaudit. Garis panduan ini pula ia merangkumi kriteria yang juruaudit luar harus penuhi. Kriteria ini adalah seperti berikut:

- i. Tidak hilang kelayakan di bawah seksyen 40 (4) (a) - (i) dan seksyen 40 (6) BAFIA.<sup>75</sup>
- ii. Mempunyai sumber yang mencukupi seperti kemahiran, pengetahuan, dan pengalaman yang sesuai untuk melaksanakan tugas mereka. Dalam pada itu, kecekapan profesional dan teliti mengikut piawaian pengauditan diluluskan dan keperluan peraturan serta undang-undang yang berkenaan.
- iii. Tidak mempunyai hubungan dengan atau kepentingan dalam, institusi perbankan atau mana-mana entiti lain yang mungkin mencacatkan objektiviti atau kebebasan mereka. Ia tidak boleh dikurangkan kepada tahap yang boleh diterima melalui aplikasi perlindungan yang sesuai.

---

<sup>73</sup> *Ibid.*, 126.

<sup>74</sup> BNM, *Appointment of External Auditor by Development Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2008). Sila rujuk juga Seksyen 37 dan 38, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

<sup>75</sup> Akta Institusi Kewangan dan Perbankan (1989).

- iv. Tidak mempunyai rekod tindakan disiplin diambil terhadap mereka kerana kelakuan tidak profesional oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA), dan keputusan untuk tindakan tatatertib tidak diterbalikkan oleh Lembaga Rayuan Tatatertib MIA.
- v. Tidak berkhidmat sebagai rakan penglibatan secara berterusan selama lebih daripada lima tahun dengan institusi perbankan yang sama. Seseorang juruaudit yang telah berulang di luar institusi audit perbankan boleh meneruskan peranan sebagai rakan kongsi dan penglibatan hanya selepas luput lima tahun dari penglibatan audit terakhir dengan institusi itu.

Dalam kes penglibatan audit, garis panduan yang mencadangkan bahawa tempoh kerja audit dengan jelas menangani objektif audit, skop penglibatan audit, pelan audit, tanggungjawab '*engagement*', dan rakan sependapat, laporan yang akan disediakan oleh juruaudit, masa dan bayaran, penggunaan pakar-pakar dalam aspek-aspek tertentu pengauditan, dan perkiraan penting lain yang berkaitan dengan audit, termasuk tanggungjawab juruaudit berkenaan dengan apa-apa perubahan kepada ahli-ahli pasukan '*engagement*' semasa audit.

Skop audit dan pelan juga perlu menangani mana-mana kawasan lain yang dikenalpasti oleh lembaga, yang membentangkan laporan kewangan yang ketara kepada institusi perbankan. Juruaudit tersebut dijangka melaksanakan segala prosedur yang perlu untuk mematuhi 'Piawaian Pengauditan Diluluskan Malaysia', dan harus bertanggungjawab untuk apa-apa penyimpangan daripada standard tersebut. Lembaga perlu memastikan bahawa yuran audit setimpal dengan bidang audit. Akauntabiliti diambilalih oleh juruaudit, dengan mengambil kira, antara lain, kemahiran yang diperlukan, pengetahuan, dan peruntukan masa serta sumber yang diperlukan untuk menyiapkan tugas audit sebagai satu jangkaan bank. Yuran audit yang dibayar kepada

juruaudit juga tidak merosakkan, sama ada secara tersurat atau rupa, profesionalisme, penghakiman, atau kemerdekaan seseorang juruaudit.

Garis panduan mengenai jawatankuasa audit dan jabatan audit dalaman menyatakan bahawa jawatankuasa audit memainkan peranan penting dalam membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Tambahan pula, jawatankuasa audit memainkan peranan penting dalam memastikan integriti dan ketelusan proses pelaporan kewangan. Jawatankuasa ini terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang ahli yang dilantik dari organisasi atasan (*Board*). Tiada anggota harus diambil berkerja dalam jawatan eksekutif dalam pengendali institusi kewangan Islam atau syarikat berkaitan atau sebaliknya mempunyai hubungan yang pada pendapat Lembaga Pengarah, akan mengganggu pertimbangan bebas dalam menjalankan fungsi-fungsi audit jawatankuasa. Di samping itu, ahli-ahli jawatankuasa audit tidak bertanggungjawab secara langsung untuk atau sebahagian daripada mana-mana jawatankuasa yang terlibat dalam fungsi pengurusan pengendali institusi kewangan Islam. BNM menggalakkan semua ahli jawatankuasa audit untuk berdikari. Jawatankuasa audit harus mempunyai kuasa untuk menyiasat sebarang perkara dalam bidang tugasnya dan perlu mempunyai akses yang tidak terhad kepada semua maklumat dan dokumen relevan dengan aktivitinya. Jawatankuasa audit hendaklah mengemaskini secara teratur pada hal-hal audit dan memberitahu dengan segera apa-apa penipuan atau penyelewengan yang ketara atau kekurangan kawalan yang ditemui oleh pengurusan atau jabatan audit dalaman. Tugas dan tanggungjawab jawatankuasa audit adalah untuk memastikan bahawa jabatan audit dalaman adalah berbeza, fungsi audit dalaman adalah berkesan, dan laporan kakitangan audit dalaman tidak menghalang pelaksanaan pertimbangan bebas oleh juruaudit dalaman. Jawatankuasa audit juga perlu mengkaji semula dan meluluskan plan audit, piagam audit, dan bajet. Justeru itu, jawatankuasa audit hendaklah mengkaji skop prosedur audit dalaman, seperti mana-mana sekatan

yang diletakkan diakses oleh juruaudit dalaman kepada mana-mana rekod, aset-aset, kakitangan, atau proses yang relevan dengan kelakuan yang audit, kesesuaian metodologi penilaian risiko yang diambil kerja, pematuhan dengan piawaian audit dalaman, dan penyelarasan antara juruaudit dalaman dan luaran. Jawatankuasa audit juga bertanggungjawab bagi pelantikan juruaudit luar.<sup>76</sup>

## **2.10 PENGGUNA MAKLUMAT AUDIT SYARIAH**

Pengguna maklumat-maklumat audit syariah sesuatu institusi atau organisasi boleh dibahagikan kepada dua kumpulan besar, iaitu pengguna dalaman dan pengguna luaran.


Pengguna dalaman terdiri daripada kakitangan bawahan (pekerja) dan pihak pengurusan sesuatu institusi, firma atau organisasi. Manakala pengguna luaran pula meliputi berbagai-bagai pihak seperti BNM, Suruhanjaya Sekuriti (SC), Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), JKS, Suruhanjaya Syarikat (SSM), pelabur, pemberi pinjaman, penghutang, penganalisis kewangan dan perniagaan, kerajaan (selaku pembuat undang-undang) serta orang ramai.<sup>77</sup> Mereka ini boleh digambarkan dalam Rajah 2.4 berikut:

---

<sup>76</sup> Abdul Rahman A. Shukor (Penolong Timbalan Presiden, Jabatan Syariah, Kumpulan Bahagian Perbankan Islam, CIMB Investment Bank Berhad), dalam temubual dengan penulis, 6 November 2014

<sup>77</sup> *Ibid.*

Rajah 2.4: Pengguna Maklumat Audit Syariah



Sumber: Temu bual.

## 2.11 KESIMPULAN

Sistem kewangan Islam telah berkembang pesat dan diterima oleh pelanggan bukan sahaja yang beragama Islam bahkan penganut-penganut agama lain. Perkara ini dipercayai menjadi salah satu faktor yang membawa kepada penubuhan beberapa pertubuhan seperti AAOIFI dan IFSB. Pertubuhan ini memberi tumpuan dalam memudahkan proses yang menyumbang ke arah rangka kerja pengawalan dan penyeliaan sistem kewangan Islam melalui penerbitan garis panduan, amalan terbaik dan standard. Salah satu garis panduan dan piawaian yang dikeluarkan adalah berkaitan dengan audit syariah. Peningkatan permintaan daripada pihak-pihak berkepentingan yang memerlukan jaminan pematuhan syariah dan kebertanggungjawaban dalam aktiviti perniagaan dan operasi institusi kewangan Islam sentiasa menghalang kepada peningkatan rangka kerja audit syariah.<sup>78</sup>

Ada sesetengah pihak melihat audit yang dilaksanakan oleh juruaudit-juruaudit hanya untuk mencari kesilapan dan kesalahan mereka sedangkan penilaian audit

<sup>78</sup> *Ibid.*

menjurus kepada bidang perakauan dan kewangan sahaja. Manakala tugas mereka disalahtafsirkan dengan mengatakan bahawa mereka hanya “bertindak dan menyerang yang tercedera selepas pertempuran berlaku”.<sup>79</sup> Malar-malar fungsi audit sebenarnya lebih luas daripada itu dan tidak tertakluk kepada ruang lingkup yang sempit seperti yang diuar-uarkan.

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dilakukan, jelas menunjukkan bahawa audit syariah di dalam institusi kewangan Islam sama ada perbankan Islam, takaful dan juga pasaran modal Islam begitu penting dan diperlukan. Peranan yang dimainkan oleh audit syariah mampu mendedahkan berbagai-bagai bentuk penipuan, penyelewengan, pengeksploitasian dan pemalsuan yang berlaku dalam sektor kewangan Islam dan menatijahkan penghapusan kezaliman dan penindasan. Ianya bukan setakat mengawasi kesalahan luaran semata-mata tetapi juga berkaitan dengan aspek spiritual, akhlak, dan moral. Implikasi-implikasi yang timbul hasil daripada pengamalan bidangkuasa pengauditan syariah ini perlulah diberi perhatian dan langkah-langkah penambahbaikan yang sewajarnya perlu diambil. Dengan erti kata yang lain, ia perlulah dilakukan oleh pihak-pihak berkaitan khususnya pengamal sistem kewangan Islam khususnya di Malaysia sejajar dengan hasrat untuk menjadi hub kewangan Islam dunia dan menjadi contoh serta ikutan terbaik kepada negara-negara luar.

---

<sup>79</sup> *Ibid.*